

Ibu bapa perlu ubah persepsi

SHAH ALAM - Ibu bapa perlu mengubah persepsi yang menganggap penggunaan rokok elektronik atau vape adalah lebih baik berbanding rokok sehingga tidak kisah produk itu dihisap oleh anak-anak mereka.



**MOHAMAD
FAZLI**

Timbalan Dekan Pengajian Siswazah dan Jaringan Industri dan Masyarakat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, persepsi tersebut adalah amat terpesong, malah beliau sendiri tidak melihat kebaikan kedua-dua produk sama ada rokok atau vape.

Bagaimanapun, menurutnya, beliau percaya hanya segelintir ibu bapa yang mempunyai persepsi sedemikian.

“Ibu bapa yang berfikir vape lebih baik daripada rokok mungkin kerana mereka terdiri daripada kalangan orang merokok.

“Selain itu, mungkin kerana kurangnya pendedahan tentang keburukan penggunaan vape itu juga menyebabkan wujud anggapan vape itu ‘lebih baik,’” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Mohamad Fazli berkata, berbeza dengan rokok, pendedahan tentang keburukannya diuar-uarkan dengan meluas sehingga ditonjolkan melalui gambar pada kotak rokok.

“Jadi ibu bapa mahupun pelajar nampak dengan jelas

keburukan merokok tetapi keburukan vape terlindung di sebalik kecanggihan atau rekaan fizikal yang menarik termasuk perisanya,” katanya.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mendedahkan di Dewan Rakyat bahawa kementeriannya bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) akan menggubal satu undang-undang berkenaan vape.

Di bawah akta baharu itu, penggunaan semua jenis produk merokok seperti rokok konvensional dan rokok elektronik atau vape bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun adalah dilarang sama sekali.

Dalam pada itu, Mohamad Fazli berkata, beliau menyokong usaha kerajaan tersebut, tambah lagi ia melibatkan kerjasama dua kementerian.

“Pasti mereka sudah buat penyelidikan terperinci. Jadi kenapa tidak mahu sokong perkara yang baik?

“Penggubalan akta ini harus dipercepatkan dan penguatkuasaan perlu tegas, tak boleh ‘hangat-hangat tahi ayam,’” katanya.